

BAB LIMA

PENUTUP

5.1 Kesimpulan

Bab ini adalah bab penutup. Empat bab terdahulu dalam tesis ini telah membincangkan secara terperinci berkenaan dengan permasalahan kajian dan objektif kajian, tentang etika perniagaan dalam perspektif Islam berdasarkan al-Quran dan hadis juga menurut pandangan ulama, turut juga dibincangkan metode yang di gunapakai dalam kajian ini.

Bab kelima ini pula merupakan bab yang merangkumi kesimpulan kepada keseluruhan kajian yang telah dijalankan, dan dalam bab ini pula akan menjelaskan empat perkara, iaitu hasil penemuan kajian yang dicapai berdasarkan objektif kajian, cadangan kepada peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), cadangan kepada Dewan Perdagangan Aceh Malaysia (DPAM) dan cadangan kepada penyelidik di masa hadapan.

Pada asasnya, perniagaan merupakan aktiviti yang dibolehkan dalam Islam, Rasulullah SAW juga merupakan seorang peniaga yang berjaya dalam mentadbir segala urusan perniagaannya. Dengan demikian, dapat difahami bahawa aktiviti perniagaan merupakan aktiviti yang digalakkan dalam ajaran Islam. Dalam etika perniagaan Islam, perkara asas adalah perniagaan yang dijalankan sah, iaitu memenuhi kaedah-kaedah syariah, ini akan membawa kepada perniagaan yang dibenarkan oleh syariah dan terhindar dari perniagaan yang dilarang dalam syariah.

Islam menuntut kepada umatnya supaya dalam segala aspek kehidupan harus ada peraturan-peraturan yang menjaga dan melindungi individu-individu dari melanggar batas-batas yang telah ditentukan oleh syarak, begitu juga dalam dunia perniagaan yang mempunyai etika perniagaan, maka disini setiap peniaga harus memahami etika perniagaan dalam Islam dan mengamalkannya.

Etika perniagaan dalam Islam merupakan amalan yang harus dimiliki oleh setiap peniaga muslim dan mengamalkannya berpandukan kepada al-Quran dan hadis. Etika atau khlak yang baik harus selalu dicerminkan dalam setiap perniagaan, bukan hanya mengharapkan keuntungan semata-mata.

Konsep etika perniagaan dalam Islam selalu berpandukan kepada al-Quran dan hadis, kerana kedua-dua hal tersebut adalah sumber utama dalam ajaran Islam. Walaupun demikian, ada konsep-konsep etika yang harus diamalkan oleh setiap peniaga muslim, seperti: pandai dalam hal pentadbiran atau pengurusan perniagaan, pandaid alam memahami selera pembeli yang berhubungkait dengan barangan mahupun harta, larangan penimbunan (*ihthikar*), larangan menipu dan mengurangkan timbangan.

Berdasarkan hasil dapatan temu bual dengan responden yang telah dihuraikan dalam bab sebelumnya yang bahawa peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur secara umum mereka mempunyai pengetahuan bagaimana cara berniaga yang bersih dari unsur riba dan mereka juga sangat mengutamakan kejujuran dengan semua pihak yang terlibat dalam dunia perniagaan. Peniaga Aceh yang berniaga dalam pelbagai sektor perniagaan memahami tentang amalan-amalan yang beretika dalam perniagaan juga memahami perniagaan yang dilarang dalam Islam. Sebagai contoh, mengurangi timbangan, berlaku curang, menjual barang tiruan dan sebagainya.

Daripada semua hasil penemuan kajian, penulis dapat menyimpulkan sebagai berikut:

Objektif pertama, iaitu untuk mengetahui konsep etika menurut perspektif Islam. Dari kajian yang dijalankan dapat diketahui bahawa diantara konsep etika perniagaan dalam Islam adalah: keikhlasan, akhlak mulia, jujur, menepati janji, usaha yang dijalankan adalah halal, menunaikan semua hak orang lain, tidak memamakan harta orang lain secara batil, memiliki komitmen terhadap hukum Syariah, tidak membahayakan diri mahupun orang lain serta alam sekitar, tidak bersumpah palsu, ramah-tamah, tidak mengurangi sukatan dan timbangan, perniagaan adalah ibadah kepada Allah, membayar upah pekerja yang sesuai, tidak ada pemaksaan kehendak dalam bertransaksi.

Objektif kedua, iaitu untuk meneliti tentang kefahaman peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terhadap konsep etika perniagaan dalam Islam. Hasil daripada kajian menghuraikan bahawa responden telahpun memahami konsep-konsep etika perniagaan dalam Islam, seperti kejujuran dalam berniaga, berkeadilan kepada semua pihak, menepati janji, bersungguh-sungguh serta memberikan perkhidmatan yang baik kepada pelanggan, juga mengeluarkan zakat apabila telah sampai haul dan nisab, tidak berniaga barang-barang yang diharamkan oleh syarak, menghindari dari semua perniagaan yang mengandungi unsur riba dan melakukan transaksi perniagaan secara sukarela, juga tidak menimbun barang yang menyebabkan mahal harga barang di pasaran.

Objektif ketiga, iaitu untuk menganalisis amalan etika perniagaan dalam Islam yang diamalkan oleh peniaga Aceh. Majoriti responden telah mengamalkan etika

perniagaan dalam Islam. Daripada hasil kajian menghuraikan bahawa etika perniagaan yang digunapakai oleh peniaga Aceh dalam berniaga telah sesuai dengan etika perniagaan dalam Islam. Etika perniagaan yang diamalkan oleh peniaga terbahagi kepada tiga:

Pertama, etika dengan pembekal. Dalam perniagaan, pembekal merupakan syarat untuk dapat berniaga kerana pembekal inilah yang membuat peniaga boleh mendapatkan barang dagangan dan melancarkan jalannya perniagaan. Peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sangat menyedari hal demikian, hasil dari temu bual dengan peniaga-peniaga Aceh, mereka sangat mengutamakan pembekal dari segi kejujuran menepati janji dalam hal pembayaran, selalu memperlakukan pembekal sesuai dengan konsep etika Islam yang dituntut oleh syarak, seperti membayar tepat pada masa yang disepakati, memeriksa barang perniagaan yang dihantar oleh pembekal, bila ada kekurangan ataupun kelebihan akan memberitahu kepada pembekal.

Kedua, etika dengan pekerja. Pekerja juga merupakan aset atau suatu syarat yang harus ada dalam satu-satu usaha, begitu juga halnya dalam dunia perniagaan. Bagi peniaga Aceh pekerja ini sama seperti modal, kerana ada modal tidak ada pekerja, tidak berguna modal tersebut. Oleh kerana demikian, bagi mereka sangat mengambil berat tentang kemaslahatan dan kepentingan pekerja dalam segala aspek, para pekerja bekerja dengan mereka secara suka rela dan tidak ada unsur paksaan, mendapat gaji sesuai dengan kemahiran dan jam kerja, mendapat cuti secara bergiliran, dan sebagainya yang diperlukan oleh pekerja, semua amalan yang dilakukan oleh peniaga-peniaga Aceh dalam hal yang berkenaan dengan pekerja, mereka selalu pastikan sesuai dengan kehendak etika perniagaan Islam.

Ketiga, etika dengan pelanggan. Pelanggan dalam perniagaan merupakan ibarat raja, kerana maju mundur perniagaan sangat terpengaruh dengan pelanggan. Jadi bagi peniaga-peniaga Aceh sangat mengutamakan pelayanan, selalu berusaha dan bekerja keras untuk memastikan memberi perkhidmatan yang sempurna kepada pelanggan mereka. Oleh demikian, peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selalu mengamalkan etika perniagaan Islam dengan pelanggan, memperlakukan pelanggan secara adil, memberi maklumat yang benar dan tepat, selalu berkata jujur kepada pelanggan sehingga pelanggan merasa aman dan selamat berurusan dengan mereka.

Namun di sebalik semua itu, penyelidik juga mendapati bentuk-bentuk kesalahan dalam aktiviti perniagaan daripada peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menurut perspektif etika perniagaan Islam dalam aktiviti perniagaannya.

Hasil daripada observasi di tempat perniagaan responden yang terpilih dan temu bual didapati bahawa kesalahan yang dilakukan oleh peniaga Aceh disebabkan beberapa faktor; *pertama*: keinginan untuk mendapatkan keuntungan yang berlipat ganda, *kedua*; pengawalan yang longgar dari pihak berkuasa terhadap barang-barang tiruan, dan barang yang diseludup dari luar Malaysia, penyebab *ketiga*; adalah disebabkan pengguna yang kurang bijak dalam membeli barang. Adapun bentuk-bentuk kesalahan yang dilakukan oleh peniaga Aceh, seperti di antaranya, *pertama*; menjual barang yang tidak mendapat kelulusan dari pihak berkuasa, *kedua*; menjual barangan seludup, *ketiga*; menjual barangan tiruan.

5.2 Cadangan-cadangan

Dalam suatu kajian atau penyelidikan dikira tidak sempurna sekiranya tidak disertakan dengan cadangan-cadangan kepada sesiapa yang berkenaan dengan kajian tersebut. Cadangan-cadangan hasil daripada penyelidikan ini adalah ditujukan kepada Dewan Perdagangan Aceh Malaysia, para peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kepada penyelidik-penyelidik di masa hadapan.

5.2.1 Cadangan kepada Dewan Perdagangan Aceh Malaysia (DPAM)

Dewan Perdagangan Aceh Malaysia (DPAM) merupakan sebagai sebuah institusi pemersatu peniaga Aceh Malaysia. Sangat diharapkan kepada Dewan Perdagangan Aceh Malaysia (DPAM) untuk mencadangkan kepada para peniaga Aceh agar nilai-nilai yang baik berkaitan dengan pengurusan harta perlu diberi tumpuan supaya harta yang diperoleh bermanfaat dan tidak membazir.

Amalan seperti berzakat dan berderma, berinfaq kepada orang-orang yang berhak, patut digalakkan dan perlu diawasi oleh pihak DPAM terhadap polisi perniagaan yang digunapakai oleh peniaga Aceh dan juga diharapkan kepada DPAM untuk lebih sering membuat program pendidikan, kelas kursus perniagaan, ceramah atau kuliah untuk mempertingkatkan kefahaman peniaga dalam ilmu perniagaan dan etika perniagaan dalam Islam, terutama sekali kepada peniaga yang masih melakukan perniagaan yang bertentangan dengan etika perniagaan dalam Islam, atau yang bertentangan dengan undang-undang pihak kerajaan Malaysia.

5.2.2 Cadangan kepada Peniaga Aceh di WPKL

Berdasarkan kepada kajian dengan beberapa pendekatan. Apa yang perlu bagi peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah mereka perlu mempertingkatkan lagi ilmu perniagaan dan kefahaman yang berkaitan dengan etika perniagaan dalam Islam.

Peniaga Aceh yang menjalankan perniagaan mereka di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kepada semua peniaga-peniaga Islam amnya untuk mempertingkatkan kesedaran dalam pengurusan diri yang baik, mengurus harta dengan bijaksana, begitu juga dapat meningkatkan dalam hal pengurusan perniagaan dengan cekap, teliti dan lebih berkesan, seterusnya menjadi perniagaan yang lebih maju dan lebih unggul juga lebih berjaya di masa hadapan.

Untuk membentuk amalan dan etika perniagaan Islam yang baik di dalam perniagaan, seharusnya para peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendidik dan membekalkan diri mereka dengan ilmu agama yang lebih mendalam, berakhlak mulia, tidak terlibat dengan perniagaan yang ada unsur riba walau dalam bentuk sekecil apapun, tidak terlibat dengan perniagaan yang ditegah oleh syarak atau undang-undang kerajaan, kesemua perlakuan ini perlu dijaga supaya nilai-nilai etika di dalam jiwa peniaga yang dapat membantu kepada memperoleh kejayaan di dalam perniagaan juga memperoleh pahala di sisi Allah SWT.

5.2.3 Cadangan kepada Penyelidik di Masa Hadapan

Kepada penyelidik yang mempunyai latar belakang agama Islam yang kuat supaya dapat menyambung kembali kajian ini di dalam mengemaskan pandangan Islam terhadap etika perniagaan mengikut perspektif Islam. Di samping nilai-nilai dan budaya perniagaan seperti yang pernah diamalkan oleh peniaga-peniaga Islam di zaman kejayaannya.

Bagi penyelidik-penyelidik yang mempunyai kemampuan dan kekuatan di dalam bidang undang-undang perdagangan boleh meneruskan kajian berdasarkan kepada kes-kes yang melibatkan peniaga Islam, dan kepada pengkaji sosial boleh meneruskan kajian ini dengan kaedah yang lebih umum dan lebih mendalam lagi.

Kajian ini dapat diteruskan di masa hadapan secara lebih meluas dan lebih mendalam dengan cara memilih responden yang lebih banyak lagi, juga dengan mengambil lokasi penyelidikan yang lebih luas lagi serta mempelbagaikan metode selain dari temu bual.

Perbincangan dalam bab ini menjelaskan bahawa kajian ini telah menjawab kesemua persoalan kajian dan mencapai semua keempat-empat objektif kajian. Walaupun kajian ini ditulis dengan harapan menyediakan disertasi untuk pengajian tingkat sarjana, namun lebih dari itu adalah ia merupakan suatu proses mencari ilmu dan seterusnya mengembangkannya kepada masyarakat secara meluas. Namun, masih terdapat banyak kekurangannya. Semoga pembaca dan peminat tentang etika perniagaan dalam perspektif Islam menyempurnakan lagi rujukan dengan kajian-kajian lain.

BIBLIOGRAFI

- Abdu al-Sami' al-Misri, *Perniagaan Dalam Islam*, terj. Ahmad Haji Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Abdul Razak Ab. Karim, Manuskrip Surat Kebenaran Berniaga oleh Raja Aceh kepada Kapitan Inggeris 1601: Satu Analisis Linguistik, *Jurnal Filologi Melayu* 3 (1994), 49-61.
- Abdul Razak Omar dan Nor Zanah Jamari, *Etika Perniagaan Dalam Sistem Tripartite Malaysia*. Selangor: Rizzan Designs Enterprise, 2001.
- Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad al-Gḥazzālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Jilid ke 3. Kaherah; Muassasah al-Ḥalabī Shurakāuhu li al-Nashr wa al-Tawzī', 1976.
- Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabārī, *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl ayi al-Qur'an*, jilid ke-4. Miṣr: Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalaby, 1954.
- Afzalur Rahman, *Doktrin Ekonomi Islam*. Yogyakarta: PT. Dana Bhakti Wakaf, 1995.
- Agustianto "Etika Perniagaan dalam Islam," *Jurnal Fakultas Syariah*, IAIN NAD (2001), 23-29.
- A Ghafar Ahmad, "Pemuliharaan Masjid Masjid Melayu Lebuh Aceh, Goertown, Pulau Pinang", dalam "*Penang Past & Present*," Disember 1998.
- Ahmad Munawwir, *Kamus al-Munawwir, Arab Indonesia*, Edisi ke-2. Cet. Ke-14. Jakarta: Pustaka Progresif, 1997.
- Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad Ahmad*, cet ke 4. Beirut: Dār Iḥyā' āl-Turath al-'Arabī, t.t.

Ahmad Charis Zubair, *Agama Menurut Sudut Tinjauan Etika dalam Wacana Politik, Kertas Kerja Semi loka Moral dan Agama Dalam Pembangunan*, di IAIN Sunan Kalijaga (28 Februari 2000).

Ahmad Mahdzan Ayub, *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*, edisi- 2. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992 .

Ahmad Mustaq, *Etika Perniagaan dalam Islam*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2001.

Akhmad Mujahidin, “Etika Bisnis Dalam Islam (Analisis Terhadap Aspek Moralitas Pelaku Bisnis)” *Jurnal Hukum Islam*, No. 2, Vol. IV, (Disember 2005),117-147.

Bukhari Alma, *Pengantar Perniagaan*. Bandung: Balai Pustaka, 1989.

Carol W. Lewis, *The Ethics Challenge in Public Service*. California: Jossey-Bass Publishers, 1991.

Choirul Fuad Yusuf, “Etika Perniagaan Islam: Sebuah Perspektif Lingkungan Global” *Jurnal Ulumul Qur’an*, No.3/VII, (1997)10-13.

George D. Chrissides and Hohn H. Kaler, *An Introduction to Business Ethics*. London: Chapman and Hall, 1993.

Gunardi Endro, *Redifinisi Perniagaan: Suatu Penggalian Etika Keutamaan Aristoteles*. Jakarta: Pustaka Binaman Pressindo, 1999.

Hakim Mohamed Said. *The Employer And The Employee –Islamic Concept. Trans.* Kuala Lumpur: A.S.Noordeen. 1989.

Hamzani Ya’qub, *Kod Etika Dagang Menurut Islam*. Bandung: c.v. Diponegoro 1994.

Haris, A Sabil. *Perbedaan Antara Etika, Akhlak dan Moral*. Yogyakarta: Elkis. 2001.

Husin Anis , *Etika dan Ilmu Ekonomi Suatu Sintesis Islami*. Bandung: Mizan 1993.

Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Mukhtār ‘alā al-Dūr al-Mukhtār*, jilid. 4. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

Ibn Manẓur, *Lisān al-‘Arab*, jilid.7. Beirut: Dār al-Šādir, 1989.

Ibrāhīm Anīs, et al. *al-Mu’jam al-Wajīz*. Miṣr: Jumhūriyyah al-Miṣrī al-Arabiyyah, 2001.

Imām al-Ḥafīẓ Abī ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā‘īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah bin Bardizbah al-Bukhārī, *Ṣahīḥ al-Bukhārī, Cet 3*. Al-Mamlakaḥ al-‘Arabiyyah al-Su‘ūdiyyah: Dār al-Salām, 2000.

Indriyo Gitosudarmo, *Pengantar Perniagaan*. Yogyakarta: BPEE, 1999.

Intan, *Citra Karya: Falsafah, Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur: INTAN, 1994.

Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Al-Itqān fi ‘Ulūm al-Qur’an*, Jilid 1. Miṣr: Al-Azhar, 1318.

James J spillane, “Nila-nilai Etika Bisnis dan Kekuasaan, Utopis. Pannorama Praktis Etika Indonesian Modern, “*Seri Siasat Kebudayaan* 1992.

Johan Arifin, “Dialektika Etika Islam dan Etika Barat Dalam Dunia Bisnis,” *Jurnal Millah*, Vol. VIII, no. 1 (Agustus2008),146-167.

John Rawls, *A theory of Justice*. Cambridge: Harvard University Press, 1971.

K. Berten, *Pengantar Etika Perniagaan*. Yogyakarta: Kanisius, 2002.

- Kamus Dewan*, ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002. Entri “etika”.
- Koentijara ningrat, *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, cet. 11. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 1991.
- Komaruddin Hidayat, *Etika Dalam Kitab Suci dan Relefansinya Dalam Kehidupan Moden: Studi Kasus di Turki*. Jakarta: Paramadina, 1995.
- Lukman Fauroni, “Rekontruksi Etika Perniagaan, Perspektif Al-Qur’an”, *IQTISAD Journal of Islamic Economics*, vol. 4, No.1 (Muharram 1424 H/March), 16.
- M. Dawam Raharjo, “Etika Bisnis Menghadapi Globalisasi dalam PJP II”, *Majalah Prisma*, vol. 24 No.2, (1995), 15-34.
- M. Shabri Abd. Majid dan Nasir Azis, “Ke Arah Integrasi Ekonomi: Strategi Untuk Menangani Kesan Globalisasi,” *Jurnal Syariah*, Vol.15 (2007), 63-64.
- Majid Fakhri, *Etika Dalam Islam*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar dan Pusat Studi Islam-USM, 1996.
- Marohaini Yusuf, *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Penerbit: Universiti Malaya, 2013.
- Masri Singarimbun dan Sofyan Efendi, *Metode Penelitian Survei*. Jakarta: LP3ES, 1995.
- Mohd Nasir Omar, *Ahlak dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2005.
- Mohd Nizho bin Abdurrahman dan Mohd Shukri bin Hanapi, *Etika Perniagaan Dari Perspektif al-Quran: Satu Tinjauan*, Seminar Keusahawanan Islam II, Peringkat Kebangsaan. Kuala Lumpur, (2010), 1-28.

- Muhamamad Abdul Qadri, *Etika Bisnis Dalam Islam, Suatu Kajian Etika Bisnis Rasulullah SAW*. Banda Aceh: IAIN Ar-Raniry Press, 2006.
- Muhamamd Hanafi, *Perinsip dan Etika Bisnis Dalam Islam, Suatu Sorotan Etika Bisnis Rasullah SAW*. Jakarta: Pustaka Antara, 1992.
- Muhamamd Hasan, *Etika Bisnis Dalam Islam, Suatu Tinjauan Etika Bisnis Dalam al-Quran dan Hadis*. Bandung: Tarsito, 2003.
- Muḥammad al-Shawqanī, *al-Mukhtaṣar Tafṣīr Faiḍu al-Qadīr*. Jilid ke 3. Beirut: Dār Al-Kutub al-Ilmiyyah t,t.
- Muhammad Muslehuddin, *Morality- It's Concept and Role in Islamic Order*. Delhi: Taj Co, 1982.
- Muḥammad ‘Alī al-Ṣābūnī, *Ṣafwatu al-Tafāsīr al Qur ān al-Kārīm*. Kaherah: Dār al-Ṣābūnī, t.t.
- Muhammad Akram Khan, *Economic Teaching of Prophet Muhammad*. Islamabad: IIIE & IPS, 1989.
- Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma’rifati al-Fāḍ al-Minhaj*, jilid 4. Kaherah: Muṣṭafa al-Bāb al-Ḥalabī, 1958.
- Muhammad Anas, “Penerapan Etika Bisnis Dalam Islam, Konteks Produsen dan Konsumen Ke Arah Tanggung Jawab Sosial Perusahaan.” *Jurnal Millah*, Vol. VIII, no. 1 (Agustus 2008),50-65.
- Muḥammad binYazīd al-Qazwaynī, *Sunan Ibnu Mājah*, Jilid 2. Beirut: Maktabah Ilmiyyah, t.t.
- Muhammad Djakfar, *Etika Bisnis Islam*. Malang: Malang Press, 2008.

Muhammad Ismail Yusanto, *Menggagas Bisnis Islami*, Cet 6. Jakarta: Gema Insani, 2006.

Muhammad Qurais Shihab, "Etika Perniagaan dalam Wawasan Al-Qur'an", *Jurnal Ulumul Qur'an*, No.3, (1997), 194-199

Muhammad Quraish Shihab, "*Etika Perniagaan*. Bandung Darul ilmu t.t.

Muhammad Sa'id Ramaḍān al-Bawṭy, *Fiqh Şirah, Dirasat Manḥajiah Ilmīyah Li Şiraṭil-Muṣṭafā 'Ā'laihi Şalatu wal-Salām*. Lebanon: Ḍār al- Fikr, 1977.

Muhammad Syukri, *Etika Bisnis Dalam Perspektif Islam, Kajian Etika Bisnis Masyarakat Muslim*. Banda Aceh: IAIN Ar-Raniry Press, 2009.

Muslim bin Hajjāj al-Qushayrī, *Şaḥīḥ Muslim*. Riyāḍ: Dirāsāt Idārah al-Buḥūth al-'Ilmiyyah wa al-Iftā' wa al-Da'wah wa al-Irshād, 1400.

Muṣṭafā al-Marāghī, "Tafsīr Al-Marāghī," Terjemahan Bahrum et al. Semarang: Toha Putra, 1998.

Mustafā Haji Daud, *Etika Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1996.

Mustafā Haji Daud, *Etika Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1996.

Mustafā Haji Daud, *Etika Pengurusan*. Surabaya: cahaya Sinar 1999.

Muṣṭafā Muḥammad Imārah, *al- Jawāhir al-Bukhāri*. Miṣr: Sarah an-Nur, Asia, t.t.

Nor Azzah binti Kamri, "Etika Pengurusan Islam dan Konvensional: Satu Analisis Perbandingan," *Jurnal Syariah*, vol.10, no.2, (2002) 43-66.

- Nor Hafiza Binti Othman, “Nilai dan Etika Perniagaan Dalam Islam bagi Membentuk Usahawan Bertakwa,” (Proceeding International Conference on islamic leadership-2 (ICIL), USIM, September 2012), 477-484
- Nor’Azzah binti Kamri (Etika Pengurusan Islam dan Konvensional, Suatu Analisis Perbandingan. *Jurnal Syariah* Vol.10, No. 2 (2002), 43-66.
- Nurlia Zahara, “*Etika Bisnis Dalam Islam, Suatu Kajian Etika Bisnis Dalam Perspektif Al-Quran dan Hadist serta Implementasinya Dalam Masyarakat*” (Disertasi, IAIN Ar-Raniry Banda Aceh, 2008).
- Peter Baelz, *Ethics and Belief*. London: Sheldon Press, 1977.
- Peter Salim, *The contemporary English-Indonesia*. Jakarta: Moden English Press, 1991.
- Phillip Kotler dan Gary Armstrong, *Principles of Marketing*, Edisi Ke 15. London: Pearson, 2013.
- Qurais Shihab, *Tafsir al-Mishbah, Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Qur’an*. Jakarta: Lentera Hati, 2000.
- Rafik Issa Beekun, *Islamic Business Ethics*. Herndon Virginia: The international Institute of Islamic Thought, 1997.
- Richard Gerson, *Measuring Customer Satisfaction*. Canada: Crisp Publications, 1993.
- Richard T Garner dan Bernard Rosen, *Moral Philosophy: A Systematic Introduction to Normative Ethics and Meta-ethics*. New York: Macmillan, 1967.
- Ridwan Imran, “Strategi Bisnis Rasulullah SAW,” *Jurnal Fakultas Syariah*, (2008),
- Ridwan Nurdin, *Konsep Akad Dalam Perbankan Syariah*. Jakarta: Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, 2007.

Ritha F. Dalimunthe “Etika Perniagaan”, *Jurnal Universitas Sumatera Utara* (2009),

Robby I Chandra, *Etika Dunia Perniagaan*. Yogyakarta: Kanisius, 1995.

Robin Snell, *Developing Skill for Ethical Management*. London: Chapman & Hall, 1993.

Rodliyah Khuza’i, “Etika Bisnis Dalam Perspektif Islam,” *Jurnal Sosial dan Pembangunan*, Vol . 21, No.1 (Januari-Mac 2005), 36-48.

Ronald M. Green, *The Ethical Manager: A New Method For Business Ethics*. New York: Macmillan College Publishing Company, Inc, 1994.

Sabhita Marican, *Penyelidikan Sains Sosial, Pendekatan Prakmatik*. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd, 2006.

Sayyed Nasr and Oliver Leaman, *History of Islamic Philosophy*. London: Routledge, 1996.

Sayyid Sābiq, *Al-Fiqh al-Sunnah*, Jilid ke 3. Kaherah: Dār al-Fath al-‘Alam al-Arabī, 1994.

Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains*. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

Syeikh Ghazali Syeikh Abod dan Zambry Abdul Kadir, “*Pengurusan Perniagaan Islam*”. Shah Alam: HIZBI Sdn. Bhd, 1991.

Thomas Donaldson and Patricia H. Werhane, *Ethical Issues in Business A Philosophical Approach*. New Jersey: Prentice Hall, 1979.

Tom L. Beauchamp and Norman E. Bowie, *Ethical Theory and Business*, Edition 7th. New Jersey: Upper Saddle River, 2004.

Undang-undang bagi Dewan Perdagangan Aceh Malaysia (DPAM), Pasal 4, Tujuan dan Matlamat, 2011.

Wahbah al-Zuhaylī, *Al-fiqh al-Islāmī wa ‘Adillatuh*, jilid.5. Beirut: Dār al-Fikr, 2005.

Wan Sabri Wan Husin, “Nilai dan Etika Islam dalam Perniagaan: Amalan dan Tanggapan Masyarakat Malaysia” Tesis Ph.D, Institut Pengajian Siswazah Universiti Malaya, 2001.

Wan Sabri Wan Hussin “Orang Islam dan Perniagaan Terlarang di Malaysia dari Perspektif Makro.” *Jurnal Usuluddin* 21(2005)13.

Wan Sabri Wan Hussin, *Etika Dan Amalan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2004.

Wan Sabri Wan Hussin, *Etika dan Falsafah Pemikiran Barat*. Selangor: ALJ Publications, 2001.

William H. Shaw, *Business Ethics*, Edisi 3. California: Wadsworth publishing Co., 1999.

Yusof Ismail, “Peranan Perniagaan,” *Journal of Islamic Economics*, Vol. 1, No.2 (July 1988.) 19-23

Yūsuf al-Qaraḍāwī, “*Fawāid al-Bunūk Hiya Ar-Ribā al-Harām*. Miṣr: Muassasah al-Risālah, 2001.

Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fatāwā Mu’āṣirah*, Cet. ke-3. Jilid ke-2. Manṣūrah: al-Ḍār al-Wafā’, 1994.

Zaharuddin Abd Rahman, *Riba dan Isu Kewangan Semasa*. Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2010.

Senarai Responden yang ditemubual

Datuk Muhammad Feisol bin Hassan, Temu bual dengan Presiden Dewan Perdagangan Aceh Malaysia (DPAM), 20 Ogos 2013.

Encik Mohammad Nasir bin Ismail (Setiausaha DPAM), Temu bual dengan penulis, 24 Ogos 2013.

Encik Ridwan bin Rasyid (Peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2 September 2013,

Encik Ramli bin A. Ghani, (Peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) Temu bual dengan penulis, 4 September 2013.

Encik Mansyur bin Usman, (Peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) Temu bual dengan penulis, 26 Ogos 2013.

Encik Nurdin bin Muhammad Yunus (Peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur), 9 September 2013,

Encik Erfendi bin Alamsyah, (Peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) Temu bual dengan penulis, 2 September 2013.

Encik Basri bin Abdullah, (Peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) Temu bual dengan penulis, 1 September 2013.

Encik Bustami bin Muhammad Daud (Peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) Temu bual dengan penulis, 8 September 2013.

Encik Yusri bin Abdul Muthalib, (Peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) Temu bual dengan penulis, 8 September 2013.